

Malaysia harap Kanada pertimbang semula pengecualian visa

UTUSAN MALAYSIA 5 JUL 2025

m/c: 3

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**

norizati.isa@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyuarakan harapan agar Kanada mempertimbangkan semula pengecualian visa kepada rakyat Malaysia selaras dengan layanan yang diberikan kepada negara-negara Komanwel lain.

Menurut Perdana Menteri, langkah itu penting bagi memperkukuh hubungan antara rakyat kedua-dua negara serta memperluas pertukaran pelbagai hala yang lebih erat dan bermakna.

Perkara itu disampaikan Anwar kepada Perdana Menteri Kanada, Mark Carney menerusi panggilan telefon sempena lawatan rasminya ke Paris, Perancis.

“Saya berharap Kanada boleh mempertimbangkan semula pengecualian visa kepada rakyat Malaysia. Ini sejajar dengan prinsip keterbukaan dan hubungan akrab yang sedia terjalin antara negara-negara Komanwel,” katanya.

Perdana Menteri turut menyatakan komitmen Malaysia untuk terus memperkukuh hubungan dua hala meliputi bidang strategik seperti perdagangan dan pelaburan, pertahanan, tenaga bersih, transformasi digital serta teknologi baharu.

“Saya menyambut baik



ANWAR Ibrahim bertemu dengan Perdana Menteri Perancis, Francois Bayrou ketika membuat lawatan rasmi ke negara itu, semalam.

- IHSAN PEJABAT PERDANA MENTERI

penglibatan berterusan Petronas dalam projek LNG Kanada yang disifatkan sebagai simbol kerjasama kukuh antara kedua-dua negara dalam sektor tenaga, selain berpotensi memacu peralihan tenaga dan inisiatif hijau pada masa depan,” katanya.

Anwar berkata, sebagai anggota Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP), Malay-

sia dan Kanada berkongsi iltizam dalam memperjuangkan perdagangan bebas dan inklusif berasaskan multilateralisme.

“Kami turut menekankan kepentingan memperkukuh Perkongsian Strategik ASEAN-Kanada serta berharap rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Kanada dapat dimuktamadkan dalam masa terdekat demi manfaat ber-

sama rantau dan masyarakat global,” katanya yang turut menjemput Carney mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia.

Sementara itu, Anwar berkata, Malaysia beriltizam memperkukuh hubungan strategik dengan Perancis dalam usaha memperjuangkan multilateralisme, memperkukuh keamanan sejagat dan pembangunan lestari dalam menghadapi landskap global yang semakin kompleks.

Kata beliau, hubungan diplomatik antara Malaysia dan Perancis menjadi asas penting dalam menghadapi pelbagai cabaran geopolitik dan ekonomi dunia masa kini.

“Dalam menghadapi landskap global yang semakin kompleks, Malaysia terus komited bekerjasama dengan rakan seperti Perancis untuk memperjuangkan prinsip multilateralisme, mengekalkan keamanan dan kestabilan serta membina masa depan yang lebih adil dan mampan untuk semua,” katanya selepas menerima sambutan rasmi penuh istiadat daripada Kerajaan Perancis di Hôtel des Invalides.

Dalam pertemuan dengan warga Malaysia di Perancis, Perdana Menteri menyatakan, negara amat bergantung kepada bakat muda untuk mencorakkan masa depan negara yang lebih cemerlang dan berdaya saing.